

Mahathir gesa bebaskan Anwar segera

MalaysiaKini.com

13 Disember, 2017

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru agar bekas musuh politiknya yang kini menjadi sekutu politik beliau, Datuk Seri Anwar Ibrahim segera dibebaskan daripada penjara.

Bekas perdana menteri itu membuat gesaan berkenaan dalam satu kenyataan bersama dengan peguam hak asasi manusia dari Amerika Syarikat, Kimberly Motley.

Motley berada di Kuala Lumpur dan mengadakan pertemuan dengan Mahathir semalam bagi membincangkan keadaan semasa Anwar.

Kedua-dua mereka sepakat menganggap Anwar sebagai tahanan politik dan perlu dibebaskan segera.

"Anwar adalah tahanan politik dan telah menanggung hukuman penjara lebih daripada 34 bulan.

"Kami menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan permintaan kami dengan serius dan demi keadilan dan hubungan antarabangsa Malaysia," kata kenyataan tersebut.

Menyifatkan Anwar sebagai 'banduan hati nurani', Mahathir dan Motley berkata bekas ketua pembangkang itu kini berusia 70 tahun dan memerlukan rawatan kesihatan.

"Beliau kini berada di hospital menjalani rawatan perubatan jangka panjang.

"Beliau dijadualkan dibebaskan pada bulan Jun 2018 dan keadaan kesihatannya sekarang menjadi kebimbangan kepada keluarganya, rakan-rakan dan individu di seluruh dunia," kata mereka dalam kenyataan petang ini.

Hampir dua dekad lalu, Anwar mendakwa Mahathir mengatur konspirasi politik terhadapnya apabila menuduh bekas timbalannya itu terlibat dalam salah laku seksual.

Mahathir sebaliknya mendakwa Anwar seorang pemimpin yang tidak bermoral untuk memimpin negara.

Anwar bagaimanapun dibebaskan daripada tuduhan liwat dan menjalani hukuman penjara atas dakwaan salahguna kuasa sehingga dibebaskan pada 2004.

Selepas dibebaskan, Anwar sekali lagi dituduh dengan kesalahan liwat kali kedua ketika era pentabdiran Datuk Seri Najib Razak.

Namun bekas ketua pembangkang itu tetap menafikan tuduhan berkenaan dengan menyatakan ia merupakan konspirasi politik.

Beliau bagaimanapun didapati bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama lima tahun pada 2015.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/405327>